

14 MAR 2002

Majalah Time minta maaf kepada Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu – Majalah *Time* secara rasmi meminta maaf berhubung tindakannya menyiarkan rencana dan gambar kontroversi yang mengaitkan Malaysia dengan kumpulan Al-Qaeda dalam keluarannya bulan lalu.

Sehubungan itu, *Time* menawarkan halaman percuma sebagai pampasan, yang boleh digunakan Malaysia dalam bentuk rencana iklan mempromosikan pelancongan negara.

Penerbit Antarabangsa *Time*, Andrew Butcher, dalam surat memohon maaf itu berkata, rencana iklan itu boleh disiarkan dalam keluaran khas majalah itu sempena persidangan Pertubuhan Pelancongan Asia Pasifik (Pata) di New Delhi, bulan depan.

Time juga berjanji untuk menyiarkan sebarang rencana yang akan ditulis Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di halaman utamanya.

Surat memohon maaf bertarikh 28 Februari itu dan ditandatangani Butcher, dihantar kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat Kabinet hari ini, Abdul Kadir berkata, jemaah menteri yang dimaklumkan mengenai perkara itu, menerima permohonan maaf majalah berkenaan.

“Kita tidak boleh terus bermusuhan dengan media asing. Media tempatan pun kadang-kadang ada membuat kesalahan dan kita maafkan mereka,” katanya.

Dalam keluaran 11 Februari lalu, *Time* menyiarkan gambar kulit depan yang memaparkan bendera Malaysia berserta potrait pemimpin Al-Qaeda, Osama bin Laden.

Majalah itu turut menyiarkan rencana yang mendakwa Malaysia melindungi pengganas yang mempunyai kaitan dengan kumpulan Al-Qaeda.

Gambar kulit depan dan rencana itu disiarkan serentak dengan iklan destinasi pelancongan Malaysia di kulit belakang majalah itu.

Berikutan itu, Malaysia bercadang untuk mengkaji semula penyiaran sebarang iklan pelancongan di majalah itu.

Abdul Kadir berkata, berikutan permohonan maaf itu, kementeriannya memutuskan akan meneruskan iklan destinasi pelancongan Malaysia dalam majalah berkenaan.